

UCAPAN PERASMIAN
YANG BERHORMAT DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
MAJLIS SAMBUTAN 10 TAHUN MIROS

3 Julai 2017

Dif-dif jemputan

Barisan Pengurusan dan warga MIROS yang dikasihi

Rakan media

Dan Tuan-Tuan, Puan-Puan, para hadirin sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada warga MIROS kerana menjemput saya untuk sama-sama meraikan dan sekaligus merasmikan Majlis Sambutan 10 Tahun MIROS. Saya sangat berbesar hati untuk menjadi sebahagian daripada sambutan yang bermakna ini, tambahan pula MIROS sentiasa dekat di hati saya.

2. Usia 10 tahun bagi sebuah institut penyelidikan tentulah dikira masih amat muda dalam konteks sebuah pusat perkembangan ilmu keselamatan jalan raya di dunia. Namun, bagi sebuah organisasi yang masih hijau tetapi sarat dengan kejayaan selepas cabaran, tentulah ia amat signifikan dan banyak sekali maknanya.

3. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada MIROS di atas ulang tahun ini dan saya berdoa agar MIROS akan terus komited dalam memberikan sumbangannya dalam keselamatan jalan raya sekaligus pembangunan negara dan bangsa selama-lamanya.

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' – Dato' dan hadirin sekalian,

4. Kerajaan sentiasa memandang serius isu berkaitan keselamatan jalan raya dan keseriusan inilah yang membawa kepada penubuhan MIROS. Untuk memastikan pelaksanaan agenda keselamatan jalan raya yang lancar serta berkesan, Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Keselamatan Jalan Raya pada Tahun 2004. Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006-2010 telah dirumuskan dan diluluskan oleh Kabinet Kerajaan dengan tujuan mengurangkan jumlah kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya.

5. Untuk memastikan polisi serta penerapan inisiatif yang menghasilkan impak positif berasaskan kajian saintifik yang kukuh, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya Bil.1/2006 telah meluluskan penubuhan MIROS pada 15 Mei 2006.

6. Akta MIROS 2012 (iaitu Akta 748) telah digubal oleh Parlimen untuk mengukuhkan kewujudan MIROS dan memberi kuasa serta perlindungan undang-undang dalam melaksanakan fungsinya dengan lebih lancar, efisien dan efektif.

7. Pada November 2014, The 20th ASEAN Transport Ministers Meeting (ATM) telah bersetuju untuk melantik MIROS sebagai ASEAN Road Safety Center. Sasaran bagi

pusat ini adalah untuk mempromosi dan membekalkan pengetahuan mengenai isu keselamatan jalan raya pada semua negara ahli.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Dalam meningkatkan taraf keselamatan jalan raya di Malaysia, kita telah menasarkankan untuk mempunyai Pengguna Jalan Raya Lima Bintang, memandu Kenderaan Lima Bintang di Jalan Raya Lima Bintang. Dengan berpandukan Safe System Approach, pusat penyelidikan di MIROS dibangunkan atas toggak sikap pengguna jalan raya keselamatan kenderaan, dan kejuruteraan trafik dan persekitaran.

9. Kajian telah menunjukkan bahawa faktor kemanusiaan menyumbang kepada 80% punca kemalangan. Oleh itu, MIROS telah menjalankan pelbagai kajian untuk memahami sikap dan tingkahlaku pengguna jalan raya termasuklah dari konteks penilaian kehidupan, kaedah kempen dan pendidikan yang berkesan. Bagi menambahbaik sikap pengguna jalan raya, pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah, kurikulum latihan memandu baharu berdasarkan hasil pembelajaran dan program berteraskan komuniti untuk topik keledar keselamatan telah dilaksanakan.

10. Pembinaan kenderaan berinstrumentasi juga membolehkan data tingkahlaku pengguna jalan raya secara alami dapat dicerap dengan lebih tepat. Bagi penyelidikan yang tidak selamat dijalankan di dunia nyata, simulator pemanduan telah dibina dan digunakan dengan mengambil kira faktor mabuk simulator.

11. MIROS juga tidak mudah berpuas hati dengan sesuatu intervensi yang dicadangkan malah sentiasa melihat peluang penambahbaikan yang boleh dibuat. Sebagai contoh, kajian terhadap pelaksanaan pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah telah dinilai dan membawa kepada semakan semula Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di sekolah rendah dan menengah.

12. Malah, modul ini telah dikembangkan ke peringkat taska dan pra-persekolahan bagi memastikan pembentukan budaya mengutamakan keselamatan jalan raya diterap seawal mungkin.

13. Sebuah video yang disediakan bersama Kementerian Pendidikan (MOE) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) sebagai bahan alat bantu mengajar yang telah menerima anugerah filem terbaik menerusi kategori motosikal di Global Road Safety Film Festival yang telah diadakan di Palais des Nation, Switzerland pada 20 -21 Februari 2017.

Para hadirin sekalian,

14. Di kesempatan ini juga, saya ingin memuji semangat dan kreativiti para pegawai MIROS dalam menterjemahkan sesuatu impian walaupun diketawakan pihak lain. Pembinaan makmal kenderaan PC3 di Melaka merupakan satu contoh pencapaian terbaik di mana ia merupakan makmal pelanggaran kenderaan yang pertama dibina di Asia Tenggara.

15. Dengan kos pembinaan sebanyak RM6 juta, berbanding kos pembinaan RM30 hingga RM40 juta di negara lain, makmal ini mampu memenuhi spesifikasi dan diiktiraf. Makmal ini juga mendapat pengiktirafan The Malaysian Book of Record sebagai "The First Full Scale Crash Laboratory" dan telah dinobatkan sebagai "Best of Nation".

16. Bermula daripada Malaysian Vehicle Assessment Program atau MyVAP yang mahukan kenderaan lebih selamat di pasaran, teretusnya ASEAN NCAP. Melalui perjanjian persefahaman, Global NCAP telah memberikan mandat kepada MIROS untuk mengendalikan ASEAN NCAP bagi rantau ini. Sehingga kini, lebih 80% kereta di pasaran ASEAN telah melalui program penilaian ini.

17. Melalui program ini, kita dapat melihat perubahan mentaliti para pembuat kenderaan dan orang ramai bahawa kenderaan yang selamat hanya untuk golongan kaya. Melalui program ASEAN NCAP ini juga, kita mampu menggalakkan para pengeluar kenderaan untuk menambahbaik sistem keselamatan kenderaan, termasuklah ISO Fix dan terkini pemasangan Electronic Stability Control (ESC) pada kenderaan.

18. MIROS turut memainkan peranan yang sangat penting dalam mengenalpasti punca kemalangan melalui siasatan yang menyeluruh dan saintifik. Lebih daripada 900 kes kemalangan telah disiasat termasuklah kes-kes berprofil tinggi seperti kes Terowong Menora, kes Simpang Pulai, kes Genting Highland dan kes Pagoh.

19. Hasil kajian menyeluruh termasuk dari aspek kenderaan, pemandu, jalan raya dan pengurusan pemandu telah membolehkan cadangan berasaskan data empirikal dibuat. Input sebegini sangat membantu Kementerian Pengangkutan dalam membuat keputusan bagi melaksanakan dan menambahbaik dasar-dasar berkaitan keselamatan jalan raya.

20. Antara dasar yang dihasilkan melalui siasatan kemalangan ini adalah menjadikan garis panduan United Nation Economic Commission of Europe (UNECE) iaitu UNECE R66 dan UNECE R80 sebagai sebahagian daripada kriteria kelulusan bas-bas, Kod Amalan SHE bagi sektor pengangkutan, penggunaan tali pinggang belakang kenderaan, dan pemasangan ESC pada kenderaan yang boleh mengurangkan sehingga 40% kematian akibat kemalangan hilang kawalan.

21. Program Safety Star Grading yang dijalankan MIROS telah mendorong operator bas ekspres untuk lebih menitik beratkan faktor keselamatan dalam pengurusan mereka. Ia juga mendorong operator untuk menjadi lebih baik dan ia dapat dilihat pada pengurusan bas Sani Ekspres yang kini dianugerahkan dengan pengurusan keselamatan 5 bintang.

Hadirin yang dihormati,

22. Menyedari kepentingan data dan analisis secara pintar, MIROS telah membangunkan Road Accident Analysis and Database System, atau lebih dikenali dengan M-ROADS. Pembangunan sistem ini sangat membantu pihak kerajaan dalam memahami paten kemalangan dan mengambil langkah penambahbaikan secara objektif. Sistem yang telah dianugerahkan sebagai Innovation Award for Road Transport in Developing Countries juga telah membantu pengenalpastian lokasi yang memerlukan sistem AES.

23. MIROS telah memainkan peranan yang sangat signifikan dalam pelaksanaan AES semenjak awal penubuhannya. Antaranya ialah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Teknikal UAT (User Acceptance Test) AES bagi fasa rintis, melaksanakan kerja-kerja penyelidikan bagi menentukan Accident Prone Area (APA) bagi program AES, kerja-kerja verifikasi, menjalankan advokasi dan kajian keberkesanan AES.

24. Pembinaan jalan raya yang menepati spesifikasi dan piawaian jalan adalah penting untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Dalam konteks ini, MIROS telah berjaya menghasilkan MeTRA atau Guidebook for Traffic & Road Safety Audit iaitu sebuah buku yang menjadi panduan untuk melaksanakan audit keselamatan jalan raya yang diharapkan dapat membantu dan melancarkan kerja-kerja pengauditan jalan.

25. Pelaksanaan Belokan ke Kiri yang di Benarkan ('Authorized Left Turn') di persimpangan sewaktu lampu merah sekiranya keadaan adalah selamat dan penambahbaikan Piawaian Rel Adang daripada TL2 kepada TL3 – TL6 bergantung kepada keperluan keselamatan merupakan hasil kerja MIROS di bidang kejuteraan trafik dan persekitaran.

26. Yakin dengan kebolehan dan komitmen MIROS, International Road Assessment Program (iRAP) telah melantik MIROS sebagai salah satu daripada 7 pusat kecemerlangan iRAP di dunia. Selaku sebuah pusat kecemerlangan, MIROS telah membantu menjalankan penilaian jalan iRAP di Papua New Guinea, Brunei, Indonesia dan Laos selain terlibat dalam program pembangunan kapasiti.

Hadirin sekalian,

27. MIROS juga memainkan peranan yang sangat penting dalam pengurusan keselamatan jalan raya. Kepakaran MIROS diiktiraf dengan penyertaan MIROS dalam pembangunan standard berkaitan keselamatan jalan raya termasuklah pembangunan ISO 39001: Road Traffic Safety Management System di peringkat global. MIROS juga telah dilantik untuk mengetuai dunia dalam pembangunan standard ISO 39002: Commuting Safety Management System yang bersandarkan sistem telah dibangunkan di Malaysia. Hasil komitmen MIROS dalam mempromosikan ISO 39001, sebanyak 8 organisasi di Malaysia telah dipersijilkan dengan standard ini.

28. Selaras dengan reputasi untuk kecemerlangan, MIROS telah dianugerahkan dengan pelbagai anugerah berprestij yang sangat banyak jika mahu dinyatakan secara khusus. Antara anugerah yang diterima termasuklah Prince Michael International Road Safety Awards dan Kathahira Award.

29. Semua kejayaan yang dicapai ini tidak akan menjadi realiti tanpa usaha berterusan dan komitmen daripada warga MIROS. Budaya kerja sebegini harus diteruskan dan dipertingkatkan kerana MIROS punya agenda besar yang mulia, untuk menyelamatkan lebih banyak nyawa di jalan raya.

Hadirin sekalian,

30. MIROS tidak dapat menjadikan semua aspirasinya sebagai realiti tanpa sokongan padu daripada organisasi lain. Menyedari hal ini, MIROS telah bergerak aktif mematerai pelbagai perjanjian persefahaman dengan pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara bagi membolehkan MIROS terus melangkah maju di arena ini.

31. Shell Malaysia sebagai contoh, mengiktiraf sumbangan iRAP dalam meningkatkan keselamatan jalan raya di Malaysia. Pengiktirafan ini telah membuatkan mereka menyokong MIROS dan kerajaan Malaysia dalam aktiviti penilaian keselamatan jalan raya dengan bantuan kewangan. Bagi pihak MIROS, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih atas sokongan ini.

32. Pada hari ini, saya amat berbangga dapat melancarkan Laporan iRAP Malaysia 2017 yang pertama kali dihasilkan. Laporan ini berkongsi perjalanan Program iRAP Malaysia dan menyiarkan keputusan penarafan bintang lebuhraya antara-bandar Malaysia. Laporan ini juga menunjukkan hasil positif penambahbaikan yang dijalankan dengan usaha sama merentasi pelbagai sector. Ini merupakan petanda bahawa negara sedang berkembang secara baik dalam mencapai 75% perjalanan di jalan 3 bintang dan ke atas pada 2020.

33. Saya difahamkan bahawa program iRAP Malaysia akan meluaskan lagi penilaiannya kepada urban highway, jalan persekutuan dan jalan negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Selamat maju jaya saya ucapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

34. Seperti yang kita sedia maklum, bermula 1 Julai 2017, penanggung insurans am akan mula beralih kepada era liberalisasi dalam sektor insurans Motor. Peralihan ini akan memberi kebebasan untuk menetapkan harga premium Motor yang selama 35 tahun yang lepas mengikut tarif.

35. Fasa liberalisasi ini melibatkan insurans motor kelas Komprehensif dan Pihak Ketiga bagi Kebakaran dan Kecurian dan premium akan ditetapkan mengikut profil risiko pemilik kenderaan dan kenderaan itu sendiri.

36. Ini adalah satu perubahan yang positif. Dalam persekitaran yang dikawal selia oleh tarif, jika anda seorang pemandu yang berhati-hati, anda mungkin telah membayar premium yang lebih tinggi berbanding profil risiko anda. Dalam era liberalisasi, dan berdasarkan kepada penilaian penanggung insurans anda, jika profil risiko anda adalah baik, anda akan menikmati premium yang lebih rendah. Ini merupakan penentuan harga premium yang lebih adil dan memanfaatkan pengguna.

37. Inisiatif ini akan memupuk budaya mementingkan keselamatan di kalangan pengguna jalan raya sekaligus meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia.

38. Hari ini juga, kita bertuah kerana dapat sama-sama menyaksikan satu lagi perjanjian persefahaman yang akan memberikan pulangan dalam bentuk peningkatan keselamatan jalan raya. Terima kasih Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) atas kesediaan untuk bekerjasama dengan lebih erat bersama MIROS dalam menyelamatkan lebih banyak nyawa.

39. Perjanjian persefahaman yang ditandatangani ini akan memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama antara MIROS dan PIAM dalam mengenalpasti usaha – usaha yang boleh diambil dalam meningkatkan keselamatan jalan raya di Malaysia.

40. Perjanjian ini juga akan membolehkan PIAM untuk menggunakan hasil dapatan kajian MIROS mengenai risiko di jalan raya dalam menentukan kadar premium insurans kenderaan yang perlu dibayar. Hasil dapatan seperti penarafan bintang ASEAN NCAP dan penarafan bintang iRAP juga boleh menjadi nilai tambah kepada modul pengiraan sedia ada. Perjanjian ini juga akan membuka peluang kepada industri insurans dalam menyumbang serta menaja operasi serta menyelidiki keselamatan jalan raya di MIROS.

41. Akhir kata, sekalung ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua warga MIROS yang telah berusaha dengan gigih sebagai satu pasukan bagi menyumbang kepada pencapaian dan prestasi MIROS selama ini. Kita di kementerian akan sentiasa menyokong MIROS agar terus meningkatkan usaha penyelidikan berimpak tinggi dengan matlamat untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan menyelamatkan lebih banyak nyawa di negara kita.

42. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf zahir batin.

43. Dengan berbesar hati dan bangganya, saya merasmikan Majlis Sambutan 10 Tahun MIROS sekaligus melancarkan Laporan iRAP Malaysia 2017.

44. Sekian, terima kasih.